

TARIKH	SELASA, 13 OGOS 2024
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	PENJAWAT AWAM TIDAK SABAR TUNGGU JUMAAT
M/S	4
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

## Penjawat awam tidak sabar tunggu Jumaat

**PUTRAJAYA:** Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang baharu, Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar memberi bayangan berita baik menanti 1.6 juta penjawat awam pada Jumaat ini.

Bagaimanapun, beliau tidak mahu mendedahkan apakah berita baik itu yang tentunya berhubung kenaikan gaji menerusi kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

“Tak boleh bocor rahsia, insya Allah berita baik untuk penjawat awam,” katanya ketika ditemui selepas mengimbas kad perakam waktu bagi memulakan tugas sebagai KSN ke-16 di bangunan Perdana Putra, di sini semalam.

Jumaat ini, dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPP), Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka mengumumkan kadar kenaikan



**SHAMSUL** Azri Abu Bakar (kiri) mengimbas kad perakam waktu bagi memulakan tugas sebagai Ketua Setiausaha Negara di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

gaji penjawat awam, sekali gus membolehkan anggaran kenaikan dikira.

MAPP menjadi acara tahunan yang dinanti-nantikan oleh penjawat awam sejak tahun 2000

sebagai salah satu platform untuk mereka menghayati aspirasi dan hasrat pucuk kepimpinan tertinggi negara melalui amanat yang disampaikan oleh Perdana Menteri.

Sebelum ini, kerajaan memaklumkan kumpulan penjawat awam bakal mendapat berita gembira berhubung kenaikan gaji akan diumumkan pada MAPP kali ke-19 yang akan diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa (PICC).

Setiap penjawat awam akan mendapat gambaran secara umum peningkatan gaji masing-masing yang dijangka antara 15 hingga 42.7 peratus.

Peningkatan kadar gaji baharu bagi kumpulan pelaksana adalah paling tinggi manakala, bagi kumpulan penjawat awam seperti Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah pula adalah lebih sederhana.

DISEDIAKAN  
OLEH

NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM